

SLOT PENGUCAPAN AWAM DALAM KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS: KEPENTINGAN DAN CADANGAN

Public Speaking Slot in the Organizational Management Course for Student Representative Council Committee of the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus: Importance and Suggestions

¹*Maizatul Suraya Muhammad Nor*, ²*Mustapha Kamal Ahmad Kassim (PhD)*,

³*Abd Hameed Abd Majid (PhD)* & ⁴*Zahiah Haris @ Harith (PhD)*

¹²³⁴*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*

¹*suraya@ipgkik.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan dan cadangan untuk meningkatkan mutu slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini melibatkan temu bual seramai enam orang Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan yang melibatkan pelbagai latar belakang kaum. Mereka merupakan Ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar bagi sesi 2018/2019. Data dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu kepentingan slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi dan cadangan untuk meningkatkan kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi. Dapatan kajian mendapati terdapat lima kepentingan slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi kepada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas iaitu yang pertama dapat membantu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar untuk mengendalikan sebarang program. Kepentingan kedua membantu meningkatkan kemahiran pembentangan di dalam kelas. Manakala, kepentingan ketiga pula dapat membantu peserta membina dan menyusun ayat dengan baik. Seterusnya, kepentingan keempat sebagai nilai tambah apabila perlu berhadapan dengan penemuduga. Kepentingan slot pengucapan yang terakhir iaitu kelima dalam Kursus Pengurusan Organisasi ialah membantu apabila berada disekolah. Manakala, terdapat enam cadangan untuk meningkatkan kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas iaitu, setiap slot dalam Kursus Pengurusan Organisasi diselitkan dengan aktiviti pengucapan awam daripada pelajar. Seterusnya, bagi cadangan kedua ialah membuat forum pengucapan awam, manakala bagi cadangan ketiga ialah slot pengucapan awam tidak dilakukan secara formal. Bagi cadangan keempat pula peserta kajian mencadangkan agar aktiviti kumpulan dalam slot pengucapan awam dilakukan. Seterusnya ialah boleh diisi dengan aktiviti permainan dan menyediakan hadiah kepada pemenang. Selain itu, cadangan terakhir pula peserta mencadangkan agar membuat lawatan ke parlimen sebagai pelengkap slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi.

Kata kunci: pengucapan awam, pengurusan organisasi

ABSTRACT

This study examines the importance of improving the quality of the public speaking slot in the Organizational Management Course for the Student Representative Council Committee of Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus. It also looks into suggestions for improving the public speaking slot. This study involves a total of six members of the Student Representative Council. Three male and three female participants from various racial backgrounds participated in this study. They are Members of the Student Representative Council for the 2018/2019 session This study adopted a case study approach. This study focuses on two objectives namely examining the importance of the public speaking slot in the Organizational Management Course and exploring suggestions to improve the quality of public speaking slots in the Organizational Management Course. The findings show the participants stated five benefits of the public speaking slot. Firstly, the slot helps them handle their programmes. Secondly, it helps them to improve presentation skills in the classroom. Thirdly, it helps them to better develop and construct sentences. Fourthly it adds value when dealing with an interviewer. The most important benefit is that it assists them when they are in school. Meanwhile, six suggestions were shared to improve the quality of the Public Speaking slot in the Organizational Management Course. Firstly, is to make available public speaking opportunities in each slot in the Organizational Management Course. Secondly, is to conduct a forum. Thirdly, to be flexible with the slot, and not to be too rigid. Fourthly, to include grouping in the slot. The next suggestion is to have games and prizes for winners. Finally, to visit and observe a parliamentary session to complement the public speaking slot in the Organizational Management Course.

Keywords: *public speaking, organisational management*

PENGENALAN

Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di semua Institusi Pendidikan Guru dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah terkandung dibawah Seksyen 7, Bahagian III, Akta 174. Mengikut fasal 8 Bahagian II dalam perlembagaan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), terdapat tujuh objektif penubuhan Jawatankuasa tersebut antaranya untuk a) memberikan pengalaman kepada pelajar memilih pemimpin melalui proses pilihanraya kampus, b) mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan pengurusan organisasi dan kepimpinan, c) merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan pengembangan dan kebajikan pelajar, d) merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti kemasyarakatan, e) membantu pihak pengurusan melaksanakan aktiviti Institut Pendidikan Guru, f) mewujudkan hubungan dengan agensi dalam dan luar Kementerian Pelajaran Malaysia dan g) mewujudkan hubungan dengan agensi Luar (Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar, Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2011).

Justeru, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang telah diberikan mandat dan kepercayaan dalam pilihanraya kampus perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi sama ada dari aspek kepimpinan, aspek kemahiran berkomunikasi serta kompeten dengan tugas yang diamanahkan kepada mereka kerana mereka merupakan suara kepada para siswa guru yang lain. Oleh yang demikian, bagi memastikan anggota Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dapat merealisasikan hasrat tersebut, maka ianya perlu diperkasa melalui kursus yang dapat membentuk jati diri mereka sebagai seorang pemimpin yang boleh menyebarkan pengetahuan dalam dan di luar skop sukatan atau proforma pelajaran yang boleh membantu mewujudkan modal insan yang dapat membangunkan negara pada masa ini dan akan datang (Mustapha, Zahiah & Saharudin, 2017).

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) bagi Jawatankuasa Perwakilan Pelajar sesi 2018/2019 yang baharu dilantik melalui proses pilihan

raya kampus. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam menerajui dan mengurus satu organisasi yang perlu dikuasai oleh ahli atau anggota Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang baharu dipilih melalui proses pilihanraya kampus. Selain itu, setiap ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar perlu menguruskan organisasi berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam melaksanakan aktiviti yang dirancang. Mereka juga perlu mengetahui berkaitan pengurusan rekod dan dokumen secara sistematik serta perlu mendapat pengetahuan dan mengamalkannya dan terakhir ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang berkesan perlu mempunyai kemahiran memimpin, berintegriti dan mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan.

Kursus Pengurusan Organisasi yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas telah diadakan pada 16 hingga 18 Mac 2018 bertempat di The Emperor Hotel Melaka. Seramai 30 ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar serta 6 orang fasilitator dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral terlibat dalam kursus tersebut. Kursus Pengurusan Organisasi diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran komunikasi anggota Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dalam menjalinkan hubungan secara berkesan dengan individu dan badan atau agensi luar (Mustapha, Zahiah & Saharudin, 2017).

Kursus ini juga diharap akan menyuntik semangat para peserta untuk menguruskan organisasi secara lebih terancang dan efisien dalam sesebuah organisasi serta membantu meningkatkan keupayaan para peserta dalam aspek komunikasi selaras dengan objektif sebenar penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar iaitu sebagai pihak yang mewakili suara para siswa guru yang lain. Dalam Kursus ini terdapat beberapa slot yang telah dilaksanakan iaitu slot pengucapan Awam. Slot ini diharap akan membantu para peserta untuk lebih berani mengetengahkan idea dan pendapat mereka apabila perlu membentangkan laporan atau diminta untuk berhubung dengan agensi dalam dan luar kampus.

Slot yang kedua pula adalah berkaitan dengan perlembagaan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang lebih memfokuskan kepada akta-akta yang perlu dipatuhi oleh peserta kursus selaku ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Bagi slot ketiga pula adalah berkaitan dengan pengurusan fail dan mesyuarat serta kertas kerja dan cadangan. Dalam slot ini para peserta diberikan pendedahan berkaitan dengan cara penulisan minit mesyuarat dan cara untuk menulis kertas kerja mengikut format yang telah diberikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Pada hari terakhir, peserta didedahkan dengan slot kepimpinan dari pandangan Islam yang menekankan kepada ciri-ciri pemimpin berkesan mengikut syariat yang dituntut oleh Islam dan slot diakhiri dengan Forum Aspirasi Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dan siswa guru.

PENYATAAN MASALAH

Kemahiran berucap dikhalayak ramai merupakan tugas yang amat sinonim dengan anggota Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Antara perkara yang memerlukan mereka untuk berucap dikhalayak ramai adalah seperti diminta untuk memperkenalkan diri, apabila perlu untuk membentangkan sesuatu laporan atau tugas yang diberikan, diminta untuk menjadi pengerusi majlis, diminta untuk menyampaikan kata-kata aluan atau menjadi wakil untuk memperkenalkan rakan-rakan kepada hadirin. Kemahiran atau bakat pengucapan awam tidak dilahirkan bersama seseorang ataupun diwarisi daripada satu generasi kepada generasi berikutnya, tetapi sebaliknya kemahiran atau bakat ini perlu dipelajari, diasah dan dibentuk melalui proses pembelajaran dan pengalaman (Mohd Taib et.al 2008). Menurut Supyan & Azhar (2002) dalam pengucapan awam, ianya perlu merangkumi persediaan mental, emosi, kandungan atau subjek yang diperkatakan dan perancangan penyampaian.

Sebelum sesuatu pengucapan disampaikan, ianya perlu melalui beberapa proses agar ucapan yang ingin disampaikan boleh difahami oleh audiens dengan baik. Antara persediaan yang perlu dilakukan oleh

seseorang penyampai atau penceramah ialah memahami tujuan dan peranan ucapan mereka. Selain itu, penceramah perlu menganalisis siapakah yang menjadi pendengar mereka. Seterusnya penceramah juga menyusun idea ucapan yang akan disampaikan nanti (Mohd Taib et.al. 2008).

Menurut Verdeber (1996) terdapat dua prinsip penting dalam sesuatu pengucapan awam iaitu penerangan dan juga pemujukan. Dalam prinsip penerangan seseorang penceramah perlu memastikan bahawa hadirin berminat untuk mendengar, memahami dan mengingati apa yang disampaikan oleh pembentang atau penceramah. Selain itu, hadirin juga akan bersedia untuk mendengar dan memberi perhatian kepada ucapan penceramah jika mereka menganggap penceramah tersebut mampu memberikan rangsangan yang berilmiah kepada mereka. Manakala, bagi prinsip kedua iaitu pemujukan pula ialah apabila penceramah berjaya memujuk para hadirin apabila reaksi yang diterima adalah seperti yang diharapkan oleh penceramah yang dapat dilihat semasa atau selepas pengucapan tamat. Selain itu, penceramah berjaya memujuk hadirin apabila dilihat mampu untuk mematahkan hujah-hujah daripada pihak pembangkang.

Hasil temubual yang dijalankan ke atas Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan pensyarah yang terlibat dengan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar mendapati, aspek pengucapan awam dalam kalangan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar masih lagi perlu diperbaiki kualiti mereka. Hal ini dapat dilihat semasa Yang Dipertua Perwakilan Pelajar memberikan ucapan dalam perhimpunan bulanan Institut didapati pengucapan awam beliau masih perlu diasah dengan lebih baik lagi.

Oleh yang demikian, bagi memastikan kesempurnaan dalam pengucapan awam tersebut peranan Jabatan Hal Ehwal Pelajar selaku pihak pengurusan yang bertanggungjawab untuk memberikan bimbingan dan bantuan kepada anggota Jawatankuasa Perwakilan Pelajar melalui kursus atau bengkel untuk meningkatkan ilmu pengucapan awam perlu dilaksanakan. Ini kerana, tugas dan tanggungjawab anggota Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang sentiasa memerlukan mereka untuk berhubung dengan agensi luar serta menonjolkan kehebatan mereka untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada siswa guru Institut Pendidikan Guru perlu untuk dibimbing dan dilatih oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Sehubungan dengan itu, pengkaji menjalankan kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat secara langsung daripada ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang telah mengikuti Kursus Pengurusan Organisasi untuk mendapatkan pandangan tentang kepentingan slot pengucapan awam tersebut kepada mereka. Bagi memantapkan lagi kursus tersebut, pengkaji juga berusaha mendapatkan cadangan mereka bagi meningkatkan kualiti Slot Pengucapan Awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang akan dijalankan pada setiap tahun.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk :

- i. Meneliti kepentingan Slot Pengucapan Awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi terhadap Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- ii. Mengkaji cadangan untuk meningkatkan kualiti Slot Pengucapan Awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan mengetahui:

- i. Sejauhmanakah kepentingan Slot Pengucapan Awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi terhadap Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas?
- ii. Apakah cadangan untuk meningkatkan kualiti Slot Pengucapan Awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Muhamad Muda (2003) mendefinisikan kajian kes sebagai satu deskripsi tentang sesuatu situasi dan situasi tersebut sama ada sedang atau telah berlaku serta boleh dijadikan pengajaran. Merriam (2001) menyarankan kajian kes adalah untuk memahami secara mendalam berkenaan situasi dan memberikan makna kepada mereka yang terlibat. Kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai tingkah laku individu tertentu, keadaan sosial, atau peristiwa khusus untuk mengetahui bagaimana tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial berlaku (Chua, 2011). Kajian kes juga lebih menumpukan kepada proses dan bukan kepada hasil, melihat konteks bukan pemboleh ubah tertentu, membuat penerokaan dan bukan membuat pengesahan (Nur Hanani, 2015).

Othman (2017) menjelaskan kajian kes penting untuk menjelaskan fenomena tertentu dan mungkin berbeza dengan kes-kes yang lain yang mengkaji fenomena yang sama tetapi mempunyai keunikan pada kes itu yang mungkin tidak ada pada kes lain. Menurut Yin (1994) bagi kajian kualitatif, bukti daripada pelbagai sumber diperlukan dalam kajian kes untuk mewujudkan kesahan konstruk dan kebolehpercayaan. Sehubungan dengan itu, pemilihan kajian ini sebagai kajian kes amat bersesuaian kerana tujuannya untuk mengkaji kepentingan dan cadangan bagi meningkatkan kualiti Slot Pengucapan Awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi kepada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

Temubual yang dijalankan juga mengemukakan satu soalan bagi setiap objektif kajian. Walaubagaimanapun pengkaji akan menambah soalan yang difikirkan perlu bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan terperinci. Selain itu, temu bual dijalankan sekitar bulan April dan temu bual tambahan kali kedua dijalankan bulan Ogos bagi memantapkan lagi dapatan yang telah ada.

Sampel kajian

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan seramai enam orang ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang terdiri daripada tiga orang pelajar lelaki dan tiga orang pelajar perempuan yang berbeza latar belakang kaum. Mereka ialah ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas yang baru dipilih dan dilantik bagi sesi 2018/2019. Sampel ini ditemubual seurus selepas berakhirnya Kursus Pengurusan Organisasi kerana soalan yang dikemukakan ialah tentang kepentingan dan cadangan untuk meningkatkan slot pengucapan awam yang baru sahaja diikuti oleh mereka agar, maklumat dan pengalaman dalam slot tersebut masih lagi diingati bagi memantapkan data temu bual yang dijalankan.

Instrumen pengumpulan data

Instrumen kajian ini menggunakan satu set protokol temu bual separa berstruktur yang berasaskan kepada objektif kajian ini bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah dengan menemubual enam orang ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Temu bual dijalankan terhadap enam orang ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar setelah mereka selesai mengikuti Kursus Pengurusan Organisasi untuk semua ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar bagi sesi 2018/2019.

Analisis data

Pengkaji menganalisis data secara kualitatif untuk menentukan tema-tema yang muncul daripada persoalan kajian yang dibina.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

Kepentingan Slot Pengucapan Awam Dalam Kursus Pengurusan Organisasi Terhadap Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

Berdasarkan temu bual yang diperolehi, terdapat lima kepentingan slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi terhadap Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Kepentingan pertama yang diperolehi hasil temu bual dengan peserta kajian ialah dapat membantu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar untuk mengendalikan sebarang program yang memerlukan mereka untuk berucap dihadapan ramai. Pendapat ini diutarakan oleh peserta kajian 1 iaitu “.....akan ada program-program luar yang akan berhubung dengan orang luar wakil daripada luar, pengucapan awam ni boleh diguna untuk kita bercakap dengan lecturer kita juga, budi bahasa kita laras bahasa yang kita guna untuk bercakap dengan lecturer ..ada lecturer yang boleh terima kita cakap macam kawan, ada lecturer yang bercakap ikut protokol dan pangkat dengan pelajar, cara-cara tu so kat situla kita kena pandai menilai untuk kita pandai menggunakan cara kita”. (PK 1/11042018/TB1). Begitu juga dengan dapatan daripada peserta kajian 3 yang menyatakan “...Penting kadang kita sebagai JPP kita kena handle program kan, kita kena berucap dihadapan orang ramai jadi kalau kita tak pandai berucap mestilah siswa guru yang baru masuk tak percaya kita”. (PK 3/04042018/TB1). Begitu juga dengan peserta kajian 5 yang menyatakan pengucapan awam dapat membantu berucap terutama apabila kemasukan pelajar baharu seperti ungkapan beliau “.....Aplikasinya contoh apabila ativiti yang perlukan kami untuk berucap dihadapan contohnya apabila ada pelajar baru kena la berucap dihadapan”.(PK 5/03/04/2018/TB1). Begitu juga dengan peserta kajian 6 yang menyatakan dapat membantu pihak Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dalam melaksanakan aktiviti dan berhubung dengan pihak luar seperti ungkapan “...membantu pihak JPP mengendalikan sebarang program. Selain itu, ia juga dapat membantu komunikasi antara pihak JPP dengan warga IPIK atau sesiapa sahaja bagi urusan pelbagai perkara”. (PK 6/02042018/TB1). Melalui slot ini peserta juga dapat membentangkan idea mereka dengan baik dalam mesyuarat Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Dapatan ini diperolehi melalui peserta kajian 2 iaitu “...dalam Jawatankuasa Perwakilan Pelajar contohnya dalam meeting nak bentang kita punya pendapat ke, kita punya cadangan ke kita punya ketidakpuasan hati ke untuk kita membentangkan idea jadi dengan ada pengucapan awam ni, orang yang terlibat dalam kelompok yang terlibat tu mudah terima la mereka bersifat terbuka dengan cara kita”. (PK 2/13042018/TB1). Malahan bagi peserta kajian 4 juga menyatakan pendapat yang sama iaitu memerlukan mereka untuk membentangkan kertas kerja seperti “...Kalau JPP lagila kita nak kena berhadapan dengan orang, kita nak bentang kertas kerja, bentang projek”. (PK 4/11042018/TB1). Manakala, bagi peserta kajian 5

menyatakan sebagai seorang ketua mereka perlu mahir dalam pengucapan awam sebagaimana yang dinyatakan dalam temubual iaitu “...*Saya rasa ianya sangat penting sebab nak jadi leaderkan dia kena ada kemahiran untuk berucap didepan ramai .salah satu ciri-ciri seorang leader macam tu lah*”. (PK 5/03/04/2018/TB1)

Kepentingan kedua pengucapan awam dalam slot Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) ialah dapat membantu meningkatkan kemahiran pembentangan di dalam kelas. Menurut peserta kajian 1 mereka terdedah dengan membuat pembentangan “.....*macam pelajar selalunya terdedah dengan presentation.... pengucapan awam ni boleh diguna*”.(PK 1/11042018/TB1). Begitu juga dengan pendapat peserta Kajian 4 iaitu “.....*bagi saya pengucapan awam ni penting contoh macam dalam kelas, lebih kepada orang-orang dalam kelas tu jadi lebih tertumpu kepada benda yang kursus jika kita bentangkan tajuk*”. (PK 4/11042018/TB1)

Selain itu, kepentingan ketiga slot pengucapan awam adalah, dapat membantu peserta membina dan menyusun ayat dengan baik. Ini dapat dibuktikan melalui temu bual dengan peserta kajian 2 iaitu “...*la untuk diri saya contoh macam saya ni lemah sedikit jadi slot itu memudahkan dan membantu saya dalam pengucapan mengikut etika, cara berucap dengan betul, mengikut prosedur dan lebih berhati-hati apabila mengeluarkan ayat*”. (PK 2/13042018/TB1). Malahan peserta kajian 3 menyatakan dengan slot ini membantu memperbetulkan bahasa Melayu beliau iaitu “...*saya biasa tak bercakap bahasa melayu , sebab dulu saya sekolah menengah semua cina jadi slot ini bantu saya membuat ayat dengan betul*”. (PK 3/04042018/TB1)

Kepentingan slot pengucapan awam yang keempat ialah sebagai nilai tambah apabila perlu berhadapan dengan penemuduga nanti iaitu mengetahui ayat-ayat yang sesuai digunakan. Menurut pandangan peserta kajian 1 “...*kalau kita pun bukan dari sudut JPP dia akan jadi bonus untuk kita interview nanti kena tahulah macam mana protokol-protokol ucapan*”.(PK 1/11042018/TB1. Begitu juga dengan peserta kajian 6 yang mengatakan melalui slot ini akan membantu aspek bertutur dan menyusun ayat dengan baik dihadapan penemuduga kelak iaitu “...*saya dapat menyusun ayat dengan baik dihadapan penemu duga nanti*”.(PK 6/13082018/TB2)

Kepentingan kelima ialah dari sudut sebagai seorang bakal guru, ianya dapat membantu apabila berada disekolah. Ini dapat dibuktikan melalui temu bual dengan peserta kajian 2 iaitu “...*dari sudut bakal guru, bila kat sekolah kita tengok cikgu-cikgu pada waktu perhimpunan dia kena bercakap kat depan kalau tak ada ilmu tentang pengucapan awam ni dia akan jadi gugup tidak bersedia, dia tidak belajar benda tu awal-awal kan di IPT ke IPG ke, jadi benda ni macam pentinglah, amat-amat penting*. Beliau menambah lagi “..*Malahan ada sekolah yang membentangkan laporan akan dipanggil cikgu-cikgu tertentu untuk menjalankan satu-satu aktiviti jadi aktiviti itu akan dilaksanakan oleh cikgu tu sendirikan jadi dengan etika pengucapan awam yang betul cikgu tu dapat menjalankan aktiviti tu dengan mudah maklumat itu mudah sampai kepada pelaksana iaitu murid itu sendiri*”. (PK 2/13042018/TB1). Bagi peserta kajian 4 pula ia dapat membantu ketika perlu berada didalam kelas dan menghadiri mesyuarat iaitu “*Dari sudut bakal guru pulak, saya rasa penting la cara mengajar yang betul, secara menyampai yng betul, contohnya kita kena relief kelas, kita boleh ajar budak bercakap dengan spontan. Contohnya dalam meeting plak, kita ni ketua unit ke panitia ke ok kita kena bentang ke so kita boleh bentang la*”. (PK 4/11042018/TB1)

Berdasarkan dapatan bagi objektif kajian yang pertama, dapat dirumuskan bahawa terdapat lima kepentingan slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi iaitu yang pertama dapat membantu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar untuk mengendalikan sebarang program. Kepentingan kedua membantu meningkatkan kemahiran pembentangan di dalam kelas. Manakala, kepentingan ketiga pula dapat membantu peserta membina dan menyusun ayat dengan baik. Seterusnya, kepentingan keempat sebagai nilai tambah apabila perlu berhadapan dengan penemuduga. Kepentingan slot pengucapan yang terakhir iaitu kelima dalam Kursus Pengurusan Organisasi ialah membantu apabila berada disekolah.

Cadangan Untuk Meningkatkan Kualiti Slot Pengucapan Awam Dalam Kursus Pengurusan Organisasi, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.

Bagi meningkatkan kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi (KPO), terdapat enam cadangan telah diutarakan oleh para peserta kajian. Cadangan pertama yang diperolehi adalah setiap slot dalam kursus pengurusan organisasi diselitkan dengan aktiviti pengucapan awam daripada pelajar. Dapatan temu bual ini diperolehi daripada peserta kajian 1 iaitu “...*Cadangan saya better kita buat macam jika sesuatu slot itu dua jam, satu jam kita ceramah satu jam hands on boleh terus aplikasikan apa yang kita dah tahu. Belajar terus aplikasikan kalau tak dapat ambik semua pun ambik contoh 2 atau 3 orang pelajar jika tak sempat, yang selebihnya kita buat analisis apa kelebihan dia*”. (PK 1/11042018/TB1)

Dapatan kajian kedua pula adalah peserta kajian mencadangkan agar membuat forum pengucapan awam. Dapatan ini diperolehi daripada peserta kajian 1 iaitu “*aktiviti buat forum ke kita buat yang lebih formal ke pidato ke tak payah lama-lama seminit ke, atau salutasi pengenalan pengucapan awam kat situ kita boleh tahu mana kelebihan kita*”. (PK1/11042018/TB1). Bagi peserta kajian 5 pula mempunyai pendapat yang sama iaitu “...*Selain daripada itu, saya rasa perlu buat forum kepada semua peserta bagi mereka buat secara praktis*.” (PK 5/03/04/2018/TB1).

Dapatan ketiga pula peserta mencadangkan agar slot pengucapan awam tidak dilaksanakan terlalu formal agar para pelajar dapat menanam minat mereka untuk berucap dikhalayak ramai. Dapatan ini diperolehi daripada peserta kajian 3 iaitu “...*Masukkan sedikit pelajar berucap dihadapan, jangan terlalu formal sangat slot tersebut*”. (PK 3/04042018/TB1). Bagi peserta kajian 6 iaitu “...*Kalau boleh jangan terlalu formal, sebab nanti akan jadi bosan mengantuk*”. (PK 6/02042018/TB1)

Manakala, bagi cadangan keempat pula, peserta kajian mencadangkan agar dibuat aktiviti kumpulan dalam slot pengucapan awam. Dapatan ini diperolehi melalui temu bual kepada peserta kajian 2 iaitu “...*Rasanya macam boleh bagi kumpulan, dalam kumpulan tu boleh bincangkan satu-satu topik yang diberi oleh fasilitator jadi hantar dalam dua orang wakil untuk berucap apa idea-idea yang dibentangkan itu la*”. (PK 2/13042018/TB1). Beliau turut menambah “...*aktiviti bentang idea 2 atau 3 orang lepas dah habis tu setiap kumpulan hantar sorang atau dua wakil untuk membuat kesimpulan beri peluang kepada semua keluarkan idea tu la*”. (PK 2/13042018/TB1). Manakala, peserta kajian 5 juga mencadangkan idea yang sama iaitu menjalankan aktiviti berkumpulan iaitu “...*kalau boleh juga buat aktiviti kumpulan agar semua boleh berucap dan menjimatkan masa*”. (PK 5/03/04/2018/TB1).

Selain itu, bagi cadangan kelima pula slot pengucapan awam boleh diisi dengan aktiviti permainan dan menyediakan hadiah kepada pemenang agar dapat meningkatkan semangat mereka untuk sentiasa mengambil peluang berucap dikhalayak ramai. Dapatan ini diperolehi daripada Peserta kajian 3 mencadangkan aktiviti permainan seperti “cabut kertas dan mengelilingi pelajar” bagi meningkatkan keseronokan dalam slot pengucapan awam tersebut melalui kata-kata beliau “...*Buat permainan agar tidak bosan seperti permainan cabut kertas keliling semua pelajar ke*”. (PK 3/04042018/TB1). Cadangan ini juga diperolehi daripada peserta kajian 4 yang mencadangkan aktiviti “pick kertas” dan memberikan tajuk dalam slot pengucapan awam melalui temubual iaitu “...*sy nak macam dia macam kita buat aktiviti macam kita “pick” kertas dia kena buat apa iaitu keliling dan biarkan setiap pelajar “pick” kertas, contoh kalau masa dua jam, kita bagi topik suruh dia cerita tentang pengurusan, cara dia nak uruskan apa*”. (PK4/11042018/TB1). Manakala, peserta kajian 6 mencadangkan pendapat iaitu “...*melakukan aktiviti permainan atau pertandingan kecil pengucapan awam bagi memberi peluang kepada siswa untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari*”. (PK 6/02042018/TB1). Malahan peserta kajian 3 mencadangkan agar diberikan hadiah iaitu “...*Kalau Persatuan Bahasa Cina ada anjurkan “Public Speaking” dia macam berpidatola akan sediakan hadiah untuk pemenang, so untuk pengucapan awam boleh buat macam itu juga sediakan hadiah juga*”. (PK 3/04042018/TB1)

Cadangan terakhir iaitu keenam bagi meningkatkan lagi kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) ialah dengan melakukan lawatan ke parlimen sebagai aktiviti peneguhan selepas slot pengucapan awam dilaksanakan. Dapatan ini diperolehi daripada peserta kajian ke 4 iaitu “..kita buat program santai-santai boleh selitkan dengan pengucapan awam atau buat lawatan ke Parlimen boleh tengok perbahasan di parlimen” (PK 4/11042018/TB1)

Rumusan bagi objektif kajian kedua ialah terdapat enam cadangan untuk meningkatkan kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Cadangan pertama ialah setiap slot dalam Kursus Pengurusan Organisasi diselitkan dengan aktiviti pengucapan awam daripada pelajar. Seterusnya, bagi cadangan kedua ialah membuat forum pengucapan awam, manakala bagi cadangan ketiga ialah slot pengucapan awam tidak dilakukan secara formal. Bagi cadangan keempat pula peserta kajian mencadangkan agar aktiviti kumpulan dalam slot pengucapan awam dilakukan. Cadangan seterusnya ialah boleh diisi dengan aktiviti permainan dan menyediakan hadiah kepada pemenang. Selain itu, cadangan keenam pula peserta mencadangkan agar membuat lawatan ke parlimen sebagai pelengkap slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi.

PERBINCANGAN

Slot pengucapan awam telah dikendalikan oleh Ketua Unit Disiplin dan Tatatertib Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Tujuan utama slot pengucapan awam diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada para Jawatankuasa Perwakilan Pelajar mengenai ciri-ciri pengucapan awam yang sebenar. Selain itu, slot ini juga adalah untuk membantu para Jawatankuasa Perwakilan Pelajar berucap dengan lebih efisien apabila mereka perlu menguruskan sesuatu majlis di dalam kampus ataupun diluar kampus, seperti perhimpunan bulanan, minggu pendaftaran pelajar baharu serta pelbagai lagi aktiviti yang melibatkan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Dalam slot ini, diterangkan tentang definisi pengucapan awam, tujuan pengucapan awam, jenis-jenis pengucapan awam, pengucapan awam yang berkesan dan diakhir bengkel ini, penceramah meminta pelajar untuk cuba berucap di hadapan rakan-rakan mereka.

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa slot pengucapan awam amatlah penting kepada pelajar terutama kepada Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Ini kerana mereka merupakan pemimpin daripada kalangan pelajar yang akan menjadi suara untuk menyampaikan sesuatu kehendak daripada suara pelajar yang lain. Bertitik tolak daripada itu, kepimpinan menuntut supaya digabungkan dengan kemahiran seni bicara yang utuh dan ampuh. Jika tidak, kepimpinan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka akan runtuh (Baharudin, 2006).

Selain itu juga menurut Supyan & Azhar (2002) Apabila seseorang pelajar itu mahir dalam menyampaikan pengucapan awam, dia pasti dapat berinteraksi dengan ramai orang. Justeru kepentingan slot pengucapan awam tidak dapat disangkal lagi terutama kepada para Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang menjadi suara kepada pelajar lain serta mereka perlu untuk berinteraksi dengan pihak pentadbir serta orang luar bagi melaksanakan pelbagai program sama ada di kampus atau diluar kampus.

Dari sudut temuduga pula, kemahiran pengucapan awam membantu memahirkan komunikasi para pelajar. Ini kerana, antara kemahiran yang dikehendaki oleh para penemu duga ialah calon yang berkebolehan untuk berinteraksi, boleh menjawab sebarang pertanyaan dengan penjelasan yang lengkap dan berkeyakinan. Menurut Abdul Rahman (2010), sebab utama kegagalan seseorang dalam pekerjaannya adalah disebabkan oleh kegagalan mereka mewujudkan interaksi yang positif dengan persekitaran mereka. Ismail (2012) yang mendapati ramai graduan yang mempunyai pencapaian akademik cemerlang tetapi masih menganggur kerana tidak melepasi sesi temu duga akibat kurang kemahiran komunikasi. Justeru dengan adanya slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi dapatlah membantu para

peserta untuk berkemahiran dalam seni pengucapan awam dan komunikasi yang baik terutama bagi menghadiri temuduga kelak.

Dari sudut bakal guru pula ianya amat penting kerana menurut Faizal (2013) para guru perlu bijak untuk menyusun strategi bagi menarik perhatian para pelajar. Begitu juga dengan para Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang merupakan bakal guru dan akan berkhidmat disekolah, maka amatlah wajar mereka mempraktikan ilmu pengucapan awam diperingkat pengajian lagi agar apabila mereka telah dihantar untuk mengajar disekolah mereka tidak kekok dan gentar apabila perlu berucap dikhalayak ramai ataupun ketika berada didalam kelas. Kajian Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani (2008) menyatakan, guru yang memiliki kemahiran dalam membina interaksi yang berkesan merupakan antara ciri-ciri bagi menghasilkan kepimpinan bilik darjah yang berkesan

Selain itu juga, melalui slot pengucapan awam akan membantu para pelajar untuk lebih berani apabila membentangkan sesuatu idea mereka. Ini kerana, menurut kajian McDowell (1978) menyatakan bahawa pelajar kolej mempunyai tahap kesukaran yang lebih tinggi untuk berkomunikasi di dalam konteks mesyuarat ataupun pembentangan di dalam mesyuarat. Justeru dengan adanya slot pengucapan awam ini, maka kekuatiran dan kegusaran mampu diatasi dengan lebih baik.

Berdasarkan dapatan bagi objektif kajian dua cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam slot pengucapan awam boleh dipertimbangkan untuk meningkatkan kualiti slot tersebut. Dalam meningkatkan kualiti slot pengucapan awam, seharusnya pengisian slot tersebut perlu diselitkan dengan aktiviti forum. Dapatan kajian dari Wan Hassan et. al (2014) menunjukkan bahawa pendekatan forum telah meningkatkan kemahiran pelajar untuk mengaitkan permasalahan semasa dalam menerangkan sesuatu fakta yang telah dipelajari dan menggalakkan semangat sukarela di kalangan pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah, serta meningkatkan kemahiran berinteraksi dan membina keyakinan diri pelajar.

Selain daripada itu, kaedah permainan juga perlu diterapkan dalam slot pengucapan awam. Ini kerana menurut Sluss (2005) kaedah bermain merupakan aksi, tindakan atau kelakuan yang boleh dihargai dan mudah untuk dikenal pasti. Justeru bagi meningkatkan kualiti slot pengucapan awam agar tidak membosankan para peserta kursus amatlah elok sekiranya dalam slot tersebut diterapkan kaedah permainan bagi peserta untuk mengelakkan kebosanan sehingga menyebabkan objektif sebenar slot pengucapan awam tidak tercapai dengan baik.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa Slot Pengucapan Awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) sangat penting kepada ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar untuk memahami dan memberi pengalaman berkaitan ciri pengucapan awam yang berkesan. Cadangan yang dikemukakan oleh ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar perlu diberi perhatian sewajarnya untuk meningkatkan kualiti slot pengucapan awam dalam Kursus Pengurusan Organisasi di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas khususnya pada masa akan datang agar ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dapat memenuhi ciri-ciri sebagai pemimpin yang menjadi suara kepada para pelajar lain kelak.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010). *Kemahiran sosial asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Baharudin, A. B. (2006). *Bijak berbicara mencuit rasa untuk semua*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah penyelidikan edisi kedua*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Faizal, A. (2013). *Anda takut hendak bercakap di khalayak ramai?* Dicapai pada April 21, 2018, dari ahmadfaizal.com: <http://ahmadfaizal.com/2013/10/14/anda-takut-hendak-bercakap-dikhayalak-ramai/>
- Ismail, M.H. (2012). *Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di malaysia: Tinjauan Dari Perspektif Majikan*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII 2012. Dicapai pada April 25, 2018 dari <http://www.ukm.my>.
- McDowell, E. E., & McDowell, C. E. (1978). *An investigation of source and receiver apprehension at the junior high, senior high, and college levels*. Central StatesSpeech Journal, 29, 11-19.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative research and case study application in education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Muhamad Muda. (2003). *Apa itu kajian kes?* Kertas Kerja dibentangkan di Bengkel Penyelidikan dan Penulisan Kes Siri I. Universiti Sains Islam Malaysia. 5-6 Mac 2003.
- Mustapha Kamal, Zahiah Haris@Harith & Saharudin Suhadi. (2017). *Kursus pengurusan organisasi jawatankuasa perwakilan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur : kepentingan dan cadangan*. Jurnal Penyelidikan Tempawan Jilid XXXIV, p.p 45-52. ISSN 0127-6093: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Mohd Taib Dora, Norliah Kudus, Mahadi Abu Hassan & Ruziah Ali. (2008). *Kemahiran insaniah 7 kompetensi unggul mahasiswa*. Penerbit Universiti : Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Nur Hanani Hussin. (2015). *pengajaran ibadah dalam kalangan guru cemerlang pendidikan islam*. Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif*. Edisi Kedua. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sektor Hal Ehwal Pelajar Dan Hubungan Luar, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Perlembagaan JPP Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia Edisi 2011*. Cyberjaya: Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Sluss, D., J. (2005). *Supporting play: Birth through age eight*. Canada: Thomsom Delmar Learning.
- Supyan Hussin, Azhar Jalaludin. (2002). *Kecemerlangan dalam pengucapan awam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Verdeber, R. F. (1996). *Communicate*. Boston : Wadsworth Publishing Company.

Wan Hassan, Wan Zulkifli, Alias, Jamsari, Muslim, Nazri, Taha, Mohamad & Basir @ Ahmad, Aminuddin. (2014). *Memupuk semangat sukarelawan pelajar melalui aktiviti forum dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus zt1062 pembangunan diri di ukm serta kaitannya dengan minat*. In: International Social Development Conference 2014 (ISDC 2014), 12 – 13 August 2014, Bayview Hotel Langkawi, Malaysia.

Yin, R. 1994. *Case study research: design and methods*. Newbury Park: Sage Publication.

Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. (2008). *Profesionalisme guru novis: model latihan*. Edisi kedua. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.